

25 FEB 1997

Mahathir-Siber

DRAF UNDANG-UNDANG SIBER SUDAH SIAP, KATA PM

KUALA LUMPUR, 25 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata draf Undang-undang Siber untuk melindungi industri multimedia di negara ini sudah siap dan akan dibentangkan untuk kelulusan Parlimen pada sesi bulan depan.

"Ia sudah siap, tetapi kita masih membuat beberapa pembetulan," katanya kepada pemberita selepas rakaman rancangan "Bersama Perdana Menteri" yang memberi tumpuan kepada Koridor Raya Multimedia (MSC) di Angkasapuri di sini hari ini. Rakaman itu akan disiarkan RTM melalui TV1 pada pukul 8.30 malam esok.

Menurut Dr Mahathir, tiga perkara utama disediakan dalam draf itu -- Akta Tandatangani Digital, Akta Intelek dan Akta Jenayah Komputer -- yang meliputi antara lain kebebasan pelabur masuk ke negara ini.

Katanya, kerajaan tidak menyediakan banyak perlindungan pelaburan tetapi akan memberi pengecualian cukai kepada pelabur yang datang ke negara ini.

Ketika ditanya bila beliau akan membincangkan cadangan undang-undang siber itu dengan para pemimpin Asean yang lain memandangkan ia membabitkan soal merentasi sempadan, Perdana Menteri berkata tarikhnya belum ditetapkan lagi.

Menyentuh tentang kerumitan syarikat multimedia untuk membawa masuk pekerja ke negara ini terutamanya dari India, Dr Mahathir berkata kerajaan hanya memberi kelonggaran kepada kemasukan pekerja mahir.

"Jadi saya harap dengan cara ini mereka akan mudah mendapat tenaga pekerja dan kita harap mereka akan membawa masuk pekerja mahir dari luar bagi membolehkan kita belajar daripada mereka," katanya.

Beliau yakin dengan kemudahan terbaik yang disediakan kerajaan Malaysia, pelabur multimedia akan datang ke negara ini untuk turut menjayakan industri berkenaan. -- BERNAMA

ZAB NMO